

SOALAN NO. 27**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' WIRA OTHMAN BIN
ABDUL [PENDANG]**

TARIKH : 19 MAC 2018

SOALAN :

YB Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang mencegah penyebaran berita palsu dalam semua media dan tindakan ke atas mereka yang menyebarkan berita berkenaan.

40

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu penyebaran berita tidak benar merupakan masalah yang dihadapi secara global ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan pantas. Justeru, Kerajaan berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk mengemaskini dan menambahbaik undang-undang sedia ada mengikut perkembangan teknologi dan media massa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan sedang dalam proses untuk memuktamadkan Rang Undang-Undang mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan penyebaran berita tidak benar dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Setelah Rang Undang-Undang tersebut dimuktamadkan, ia akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bagi pertimbangan dan kelulusan sewajarnya.

Sekiranya Rang Undang-Undang tersebut dipersetujui oleh Jemaah Menteri, maka ia akan dibentangkan dalam sesi Dewan Rakyat kali ini bersama-sama dengan matlamat Kerajaan dalam menggubal undang-undang ini serta tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap individu yang didapati bersalah menyebarkan berita palsu.

Sekian, terima kasih.

61

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 19.3.2018 (ISNIN)

SOALAN : 28

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jika RM50 juta yang diumumkan oleh Menteri pada 1 Februari 2016 di daerah Penampang telah disalurkan ke daerah Penampang dengan sepenuhnya dan juga untuk senaraikan dengan terperinci penggunaan / pelaksanaan RM50 juta tersebut di daerah Penampang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM50.93 juta bagi pelaksanaan projek di daerah Penampang selaras dengan pengumuman yang telah dibuat oleh YB Menteri KKLW pada 1 Februari 2016.

Daripada jumlah tersebut sejumlah RM48 juta adalah diperuntukkan bagi pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kg Moyog Atas dan Kawasan Sekitarnya, Penampang, Sabah. Status pelaksanaan projek adalah diperingkat rekabentuk akhir dan projek dijangka akan ditender pada bulan April 2018.

Selain itu, sejumlah RM1.5 juta telah dibelanjakan bagi pembinaan 30 buah unit rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di seluruh kawasan Penampang dan projek ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2016 dan diserahkan kepada penerima.

43

Untuk makluman Yang Berhormat juga, peruntukan sebanyak RM1.03 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan projek penyelenggaraan serta menaiktaraf jalan-jalan kampung di kawasan Penampang. Projek ini telah siap sepenuhnya pada bulan penghujung tahun 2016.

Selain itu, sebuah dewan serbaguna baharu juga telah siap dibina di kawasan tersebut dengan kos projek berjumlah RM400 ribu.